



mesra, erat dan saling bantu membantu antara satu sama lain untuk faedah bersama. Pada masa yang sama Kuala Lumpur dijangka sekali lagi memberi peluang kepada mereka mengemukakan pameran barangan tangan seramik dan permaidani," ujar Tan Sri Dato' Kamaruzzaman Shariff.

Antara barangan kraf tangan yang akan dipamerkan dan dijangka menarik perhatian orang ramai termasuk gelas kristal, alas meja, pasu dan gambar-gambar

rakyat Iran dan negara-negara di sekitarnya sebagai usaha sama. Mereka juga meminta Kuala Lumpur menyediakan tugu peringatan di Esfahan sebagai usaha memperingati hubungan baik yang sedia terjalin itu.

Ketika berada di Malaysia, rombongan Esfahan berpeluang mengadap Yang di Pertuan Agong di Istana Negara dan mengadakan pertemuan dengan Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim serta melawat tempat-tempat bersejarah di Melaka dan bersembahyang Jumaat di Masjid Sultan Abdul Aziz Shah, Shah Alam. Rombongan dari Iran itu juga dibawa menaiki Transit Laju Ringan (LRT) dari Kuala Lumpur-Ampang-Kuala Lumpur. Sempena lawatan rasmi itu rombongan Esfahan telah mengadakan lawatan ke Jalan Esfahan berhampiran Jalan Tuanku Abdul Rahman di hadapan Sogo.

Sementara itu, Madam Patemeh Masoudi (isteri Gabenor Jeneral Esfahan) dan Madam Esmet Attai (isteri Datuk Bandar Esfahan) mempunyai atur acara yang berasingan. Mereka dibawa melawat

KUALA LUMPUR - ESFAHAN Saling Bantu

Lawatan Gabenor Jeneral Esfahan, H.E. Jaafar Mousavi dan Datuk Bandar Esfahan, H. E. Mohammad Ali Javadi ke Kuala Lumpur selama lapan hari telah berjaya mengukuhkan persahabatan dan saling bantu membantu antara Esfahan dan Kuala Lumpur. Lawatan rombongan dari Iran pada 28 Mac-4 April 1998 itu menjadi simbol perpaduan dan persahabatan erat antara kedua-dua bandar raya itu.

Dalam pertemuan di pejabat Datuk Bandar Kuala Lumpur, kedua-dua pihak telah bersetuju bertukar-tukar pendapat dan maklumat serta mengeratkan lagi hubungan kerjasama yang telah terjalin selama ini. Menurut Tan Sri Kamaruzzaman Shariff, DBKL akan menamakan taman antarabangsa di Bukit Jalil sebagai Bandar Raya Esfahan, sempena hubungan erat Kuala Lumpur Esfahan. Kuala Lumpur akan memastikan memorandum persefahaman bandar raya berkembar Kuala Lumpur dan Esfahan akan terjalin dengan lebih baik dan memberi faedah kepada kedua-dua pihak.

"Jaafar Mousavi bersetuju membantu dan bekerjasama dengan Kuala Lumpur dalam beberapa aspek terutama dalam usaha meningkatkan pelancongan, perdagangan dan seni bina. Persahabatan antara Kuala Lumpur-Esfahan yang terjalin sejak beberapa tahun lalu itu diharapkan dapat menjalin satu perhubungan yang

pemandangan menarik di Esfahan seperti bangunan masjid yang bersejarah, sungai dan jambatan.

Beliau memberitahu, Esfahan akan mengadakan promosi pelancongan ke Kuala Lumpur khasnya dan Malaysia amnya yang terkenal dengan tempat-tempat yang menarik untuk



rencana menarik

KANDUNGAN

10 KUALA LUMPUR SEJAHTERA



5 MS ISO 9000

22 KUALA LUMPUR BEAUTIFYING

FOR THE COMMONWEALTH GAMES



24 ADUAN BERSEMUKA DAPAT SAMBUTAN



20 PRIHATIN KEMISKINAN BANDAR



26 DBKL BANTU ATASI KEGAWATAN AIR

6. MEMPERKUKUKKAN PERPADUAN PENDUDUK 8. DEALING WITH THE ISSUES OF SQUATTERS AND CLEAN LINES 12. KEMAJUAN KL 14. TAKING KL TO THE LIMIT 16. KUALA LUMPUR KIAN SELESA 18 K L CIPTA NAMA 26. DBKL SEDIA 30 LORI 28. KL CELEBRATES ITS 26TH ANNIVERSARY 33. RM 21 JUTA BELANJA PENYENGGARAN 36. KUALITI JADI KEUTAMAAN 38. JOHARI SALLEH MUNGKIN JADI JENERAL 43. VIVIAN & EMILY CARI PENGALAMAN 46. SULAIMAN SAMAT UBAH HALUAN .

Suara Bandaraya

EDITORIAL

Penasihat

Sanusi bin Samid

Editor

Sariffuddin bin Ibrahim

Sub Editor

Wan Abdullah Wan Abd. Ghani

Jurufoto

Abdul Rhani Mohd Sohor

Md. Ismail Isnin

Nik Rozali Nik Othman

Mubarak Atan

Konsep & Design

Shamsiah Abdul Karim

Raja Sherina Mariam Raja Sahar

Mubarak Atan

Edaran

Ramlan Salleh

SUMBANGAN

Kakitangan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur digalakkan menyumbang sebarang berita, rencana, karikatur mengenai aktiviti jabatan dan kakitangan untuk dimuatkan dalam Suara Bandaraya.

Sumbangan ini boleh disampaikan kepada :

EDITOR

Suara Bandaraya, Bahagian Hal Ehwal Awam, Jabatan Pengurusan Organisasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jalan Raja Laut 50350 Kuala Lumpur atau berhubung dengan Encik Wan Abdullah Wan Abd. Ghani, Tel : 03-2916011 samb. 3855 dan Fax : 2980460

PERHATIAN

Semua pendapat dan fikiran dalam Suara Bandaraya tidak semestinya merupakan pendapat rasmi pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

NOMBOR TELEFON DBKL

Ibu Pejabat Bangunan DBKL	-	2916011
Hot Line (24 jam)	-	4231127
Unit Kecemasan 24 jam (JPBandar)	-	9843434
Skuad Penyelamat 24 jam		
(DPenguatkuasaan)	-	4220033
Aduan Awam	-	2934531
	-	2993852
Aduan Bersemuka	-	2993919
Aduan JKA	-	2915128
Aduan JPPerumahan	-	2912112
	-	2911686
JPelelanan	-	2986177
JP Penjaja	-	2621988
DPenguatkuasaan	-	4231133
JPengangkutan Bandar	-	2910555
JPPerumahan	-	2938166
Bhg. Keb. & Sukan	-	2933344
B Ukur Bahan	-	4417011
Pej. Caw. Cheras	-	9711889
Pej. Caw. Damansara	-	7182277
Pej. Caw. Jln. Klang Lama	-	7826117
Pej. Caw. Kepong	-	6272900
Pej. Caw. Setapak	-	4211142

ANJAKAN PARADIGMA

Para pegawai dan kakitangan kerajaan haruslah mementingkan inovasi dalam usaha meningkatkan mutu perkhidmatan sektor awam. Mereka tidak harus membiarkan diri ditenggelami dengan sikap lapuk dan dogma yang boleh menjatuhkan imej organisasi.

Inovasi atau idea baru perlu diperkenalkan dalam semua aspek kerja untuk menghasilkan perkhidmatan yang lebih berkualiti dan produktif. Perubahan ini boleh berlaku dalam pelbagai bentuk seperti pengenalan kepada teknologi baru, penjimatan belanja, pengurusan masa dan kos.

Usaha perlu dibuat untuk mempersiapkan diri menghadapi cabaran menjelang tahun 2000, kira-kira dua tahun dari sekarang. Piagam Pelanggan perlu diberikan perhatian serius dan bukan sekadar tergantung di dinding pejabat menjadi hiasan untuk sedap dipandang mata.

Berdepan dengan cabaran baru, penting bagi pegawai dan kakitangan kerajaan melengkapkan diri dan memberi peluang para pekerja bawah mengemukakan idea baru untuk memperbaiki perkhidmatan kepada rakyat. Ini bererti semua pekerja harus kreatif dalam menerokai idea baru untuk menyahut cabaran wawasan 2020 yang menjadi impian Perdana Menteri, Dato' Seri Dr Mahathir Mohamad.

Beberapa cabaran utama yang perlu ditangani oleh para pekerja awam bagi meningkatkan produktiviti dan kualiti kerja. Kakitangan dan pegawai kerajaan haruslah bersikap lebih positif dalam melaksanakan tanggungjawab harian tanpa diskriminasi atau mementingkan diri. Mereka sentiasa menjadi perhatian orang ramai, sama ada disedari atau sebaliknya. Setiap kesilapan yang dilakukan akan menjejaskan kredibiliti kerajaan di kalangan rakyat.

Peningkatan kualiti kerja haruslah berpandukan surat perintah yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam seperti Perjanjian Pelanggan dan Pengurusan Kualiti Menyeluruh/Total Quality Control (TQM).

Langkah itu perlu kerana selama ini agensi kerajaan menjalankan tugas berdasarkan peraturan sendiri. Malah sesetengah perkhidmatan menyukarkan rakyat yang datang berurusan ke pejabat kerajaan. Rungutan dan aduan orang ramai dapat di lihat melalui akhbar-akhbar kebangsaan setiap hari. Ada sahaja yang tidak kena dan menjadi bahan rungutan ramai.

Beberapa tindakan drastik perlu diambil supaya perkhidmatan awam tidak bertindih dan kelam kabut. Penyusunan semula struktur organisasi perlu dilakukan supaya lebih optimum dan sistematik. Kaji semula objektif serta fungsi jika perlu supaya tidak hanya nampak cantik tergantung di dinding. Praktis idea TQM dan memanfaatkan segala pengetahuan yang diperolehi daripada kursus, seminar, bengkel, forum atau apa sahaja demi kebaikan bersama.

TQM mempunyai tujuh prinsip yang terdiri daripada sokongan pengurusan atasan, perancangan strategik kualiti, mengutamakan pelanggan, latihan dan pengiktirafan, semangat berpasukan, pengukuran prestasi dan kepastian kualiti.

TQM pada umum melibatkan tujuh peringkat tindakan yang bersepadu. Ia berdasarkan matlamat penambahan yang akan dijalankan, kaedah pelaksanaan, melatih kakitangan, dan menambahkan atau memperbaiki perancangan. Selain itu menilai semula pencapaian yang diperolehi, menyeragamkan proses kerja yang telah diperbaiki untuk diperluas ke bahagian lain dan meneruskan tindakan pembetulan yang diperlukan.

TQM berjaya memberi pendedahan kepada para pekerja yang berfikiran positif dan sanggup bekerja keras. Ia padat dengan pelbagai idea untuk meningkatkan kualiti kerja, produk dan kecemerlangan. Manakala produktiviti pula dipengaruhi oleh faktor tenaga manusia dan sistem prosedur. Ia juga dipengaruhi oleh struktur organisasi, gaya pengurusan, persekitaran kerja, teknologi, bahan-bahan dan kelengkapan modal.

TQM bertujuan meningkatkan tahap pengetahuan, pemahaman, kesedaran, menjelaskan peranan pengurusan, menyemaikan sikap dinamis dan progresif. Selain itu mengutamakan produktiviti dan kualiti dalam tugas. Paradigma ini membolehkan pengurus menyediakan pelan tindakan di samping perancangan pelaksanaan Pekeliling-Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam.

SUARA EDITOR